

## SEJARAH PENYELIDIKAN DAN PENEMUAN GENDANG GANGSA DI INDONESIA

*(HISTORICAL RESEARCH ON THE FINDINGS OF BRONZE  
DRUM IN INDONESIA)*

**Adnan Jusoh**

### Abstrak

---

Artikel ini memfokuskan tentang salah satu budaya kebendaan di Indonesia iaitu gendang gangsa. Objek yang diperbuat daripada beberapa komponen logam ini telah ditemui di beberapa lokasi di Asia Tenggara dan China. Di samping fungsinya yang pelbagai, rupa bentuk objek ini juga unik dan dihiasi dengan motif hiasan yang unik. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan perkembangan sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di negara Indonesia. Realitinya pengetahuan orang awam mengenai perkembangan gendang gangsa di Indonesia amat terhad disebabkan oleh kekurangan informasi. Sehubungan itu, dalam usaha untuk menyiapkan artikel ini, pembacaan dan rujukan dilakukan dengan menelaah sejumlah buku dan artikel yang berkaitan dengan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China. Hasil penelitian mendapati terdapat tiga (3) jenis gendang gangsa yang ditemui di Indonesia iaitu jenis gendang gangsa yang sering ditemui di Asia Tenggara dan China, gendang Moko dan gendang Pejeng. Penemuan gendang gangsa di Indonesia melibatkan klasifikasi daripada jenis Heger I dan Heger VI. Objek ini dikategorikan barang import dari luar dan dikaitkan sebagai tinggalan masyarakat zaman Logam. Sementara gendang Moko dan gendang Pejeng pula merupakan produk yang dihasilkan untuk kegunaan oleh masyarakat tempatan terutama di Pulau Alor dan Bali. Pembuatan gendang Moko dan gendang Pejeng dipercayai dihasilkan pasca zaman kerajaan Majapahit pada abad ke-13 Masihi, malahan masih lagi dihasilkan hingga permulaan abad ke-20 Masihi. Secara keseluruhannya, penemuan gendang gangsa di Indonesia amat penting dalam menjelaskan hubungan kait antara masyarakat tempatan dengan dunia luar. Di samping itu ia juga akan menyerlahkan tradisi penggunaan objek tersebut dalam kalangan masyarakat tempatan yang telah berkembang semenjak ratusan tahun dahulu sehingga kini

---

**Kata kunci:** Zaman Logam, Indonesia, motif, Moko, Pejeng, gendang gangsa

### Abstract

---

*This article focuses on one of the materialistic cultures in Indonesia that is the bronze drum. This object is made from a few components of metals found in a few locations in Southeast Asia and China. Apart from its various functions, the design of the bronze drum is unique in terms of decorations and motifs. The objective of this article is to discuss the developments of historical research and the findings of the bronze drum in Indonesia. In*

*reality, the knowledge of the public on the development of the bronze drum in Indonesia is limited due to the lack of information. In the efforts to complete the article, in-depth readings and references are made from a number of books and articles in relation to the bronze drum in Southeast Asia and China. As a result of the research, three (3) types of bronze drum are found in Indonesia that is the type of bronze drum normally found in Southeast Asia and China, the Moko and Pejeng drum. The findings of bronze drums in Indonesia involved classification from Heger I and Heger VI types. These objects are categorized as an import material from other regions related to the remnants of the Bronze Age. However, the Moko and Pejeng drum are the product to be used by the local society especially in Pulau Alor and Bali. It is believed that the making of Moko and Pejeng drum is the product of the Kingdom of Majapahit in 13<sup>th</sup> Century AD and in fact it was produced up to the beginning of 20<sup>th</sup> Century AD. In conclusion, the findings of the bronze drum in Indonesia are important in explaining the relations between the local societies with the outside world. On the other hand, it also explained the tradition of the usage of the objects in the local society since hundreds of years till the present time.*

---

**Keywords:** *Bronze Age, Indonesia, motifs, Moko, Pejeng, bronze drum*

## PENGENALAN

Indonesia merupakan salah sebuah negara kepulauan yang luas dan terdiri daripada ribuan buah pulau. Antara pulau yang besar ialah Pulau Sumatera, Jawa, Sulawesi dan Halmahera, namun masih terdapat banyak lagi pulau lain yang berselerak di seluruh Indonesia. Pulau Jawa merupakan pulau yang paling padat iaitu 55.94% (KOMPAS.com 2021) sehingga ia menampung lebih separuh daripada populasi Indonesia. Dari segi geografi Indonesia terletak di kawasan Khatulistiwa dan kedudukannya berada di antara Lautan Pasifik di sebelah timur dan Lautan Hindi di sebelah barat. Dengan populasi kira-kira 271,349,889 juta penduduk (KOMPAS.com 2021), Indonesia menjadi landskap kehidupan manusia yang beraneka ragam sama ada dalam aspek kepercayaan, bahasa, adat istiadat dan sosiobudayanya. Realitinya sosiobudaya masyarakat Indonesia yang bukan sahaja berbeza tetapi sesetengahnya didapati sangat unik.

Salah satu keunikan yang terdapat dalam sosiobudaya masyarakat di Indonesia yang boleh ditelusuri ialah aspek budaya kebendaan. Antara contoh budaya kebendaan yang dihasilkan oleh masyarakat zaman silam ialah gendang gangsa, iaitu sejenis artifak yang dikaitkan dengan tinggalan masyarakat zaman Logam di Asia Tenggara. Secara kebetulan pula Indonesia merupakan salah satu negara yang turut mengalami kebudayaan zaman Logam berdasarkan jumpaan artifak yang diperbuat daripada logam. Antara objek yang dibuat daripada logam yang pernah dijumpai di Indonesia ialah gendang gangsa, kapak gangsa, bejana gangsa dan pelbagai jenis arca gangsa. Justeru itu, tulisan ini memfokuskan tentang sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di Indonesia.

## LATAR BELAKANG

Berdasarkan bukti arkeologi Indonesia mempunyai perjalanan sejarah yang panjang iaitu semenjak dari zaman prasejarah lagi. Malahan Indonesia sangat terkenal dengan penemuan arkeologi yang telah pun bermula semenjak dari zaman penjajahan. Misalnya, semasa British menduduki Jawa, satu ekspedisi arkeologi telah digerakkan oleh Thomas Stamford Raffles untuk mendokumentasikan tinggalan arkeologi di Pulau Jawa. Hasil ekspedisi tersebut kemudiannya diterbitkan dalam buku *The History of Java*. Selepas British meninggalkan Jawa, Belanda melalui N.J. Krom mendirikan *Oudheidkundige Dienst in Netherlandsch-Indie* pada 14 Jun 1913 (Hendri A.F. Kaharudin 2019). Selepas itu kajian berkaitan dengan arkeologi dan sejarah terus berkembang sehinggalah ia kemudiannya diambil alih pula oleh penyelidik tempatan. Antara penemuan yang penting ialah penemuan fosil rangka manusia dari jenis *Pithecantropus erectus* yang dikenali dengan nama 'Java Man'. Penemuan ini berupa bahagian tengkorak manusia, beberapa batang gigi dan sebuah tulang paha oleh Eugene Du Bois di desa Trinil, Jawa Timur dalam tahun 1891. Ini diikuti pula dengan penemuan fosil daripada

jenis *Pithecanthropus robustus* berupa rahang manusia oleh J. von Konigswald dan Weidenreich di lembah Bengawan Solo, Sangiran, Jawa Timur dalam tahun 1939. Penemuan fosil selanjutnya ditemui dari jenis *Megantropus paleoajanicus* dalam tahun 1939-1941 oleh G.H.R.von Konigswald dan P. Marks dalam tahun 1952 (P.V.Van Stein Callenfells 1961).

Selain penemuan rangka manusia, penyelidikan dalam bidang arkeologi di Indonesia turut disumbangkan melalui penemuan sejumlah artifak yang mewakili era tertentu sama ada zaman prasejarah dan protosejarah. Antara jenis penemuan yang pernah dilaporkan adalah seperti alat-alat batu, pelbagai jenis tembikar, peralatan yang diperbuat daripada gangsa atau besi, manik, prasasti, lukisan gua dan sebagainya. Sebahagian daripada penemuan tersebut adalah menerusi penyelidikan yang telah pun dimulakan semenjak zaman penjajahan lagi. Selepas Indonesia mencapai kemerdekaan, penyelidik tempatan mula mengambil alih peranan tersebut dan ia masih berterusan hingga kini sama ada dilakukan oleh agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau penyelidik bebas. Walau bagaimanapun ada juga sebahagian daripada penemuan tersebut berupa jumpaan secara tidak sengaja di beberapa lokasi di seluruh kepulauan Indonesia.

Di samping itu, Indonesia juga tidak sunyi dengan penemuan monumen berupa candi, tinggalan kota, benteng atau kubu, tapak permukiman atau istana dan sebagainya. Salah satu monumen yang sering diperkatakan adalah penemuan candi di beberapa tapak di Indonesia yang lazimnya dikaitkan dengan agama Hindu dan Buddha. Umpamanya ialah kewujudan candi yang dibina oleh masyarakat tempatan ketika berkembangnya pengaruh keagamaan khususnya zaman Hindu dan Buddha di Indonesia. Antaranya ialah Candi Borobudur, Candi Prambanan, Candi Mendut, Candi Batujaya, Candi Dieng, Candi Agung, Candi Sewu, Candi Pawon, Candi Bahal, Candi Muara Jambi, Candi Muara Takus, Candi Sukuh, Candi Cetho, Gunung Padang dan banyak lagi penemuan menarik. Selain candi, turut ditemui tinggalan warisan berupa tembok atau kota yang digunakan untuk tujuan pertahanan seperti Benteng Tahula, Benteng Rotterdam, Benteng Tore, Benteng Tolukko, Benteng Oranje, Benteng Kalamata dan sebagainya. Dengan gugusan kepulauan yang berjumlah ribuan pulau, maka penemuan arkeologi dan sumbangannya di Indonesia sangat besar terutamanya dalam konteks sejarah dan peradaban manusia sama ada pada peringkat serantau ataupun global.

Justeru itu dengan taburan tapak bersejarah di Indonesia yang banyak dan pelbagai jenis secara tidak langsung juga telah menarik ramai pengkaji untuk membuat penyelidikan. Malahan tidak dinafikan lagi bahawa kerja-kerja penyelidikan arkeologi di Indonesia sebenarnya telah dimulakan semenjak dari zaman kolonial lagi. Antara penyelidik barat khususnya Belanda yang pernah membuat penyelidikan arkeologi di Indonesia adalah J.L.A. Brandes, N.J. Krom, F.D.K. Bosch, W.F. Stutterheim, Bernet Kempers dan beberapa orang tokoh lagi. Setelah mencapai kemerdekaan, penyelidik tempatan mula mengambil alih tugas membuat penyelidikan di merata lokasi di seluruh Indonesia. Antara mereka yang pernah terlibat ialah R. Soekmono, R.P. Soejono, Hasan Muarif Ambary, Teguh Asmar, Sukatno, Hadi Mulyono, Ismanu Adisumarto, Bambang Soemarto, Mundardjito, Harun Kadir, Rumbi Mulia, Machfudi Mangkudilaga, Edi Sedyawati, Hari Untoro, Junus Satrio Atmodjo, Teuku Jacob, D.D. Bintarti, Satyawati Suleman, Uka Tjandrasasmita dan ramai lagi kemunculan penyelidik tempatan termasuk penyelidik muda.

## **SEJARAH PENYELIDIKAN GENDANG GANGSA DI INDONESIA**

Gendang gangsa dikenali oleh masyarakat Indonesia sebagai ‘nekaru perunggu’. Namun apa yang lebih menarik lagi, objek ini juga dikenali dengan sebutan atau nama yang berbeza mengikut masyarakat setempat. Umpamanya orang Maluku menyebutnya sebagai *Tifa Guntur*, orang Jawa menamakannya *Tamra*, orang Leti menamainya *Moko Malai*, orang Manggarai menyebutnya *Gendang Gelang* atau *Tambur*, orang Flores Timur menamakannya *Wulu*, orang Adonara menyebutnya *Peti Mangu* (Argo & Tanspiosa 2014).

Sebagaimana negara-negara di Asia Tenggara yang lain, Indonesia juga turut menerima pengaruh kebudayaan zaman Logam iaitu salah satu kebudayaan dalam zaman Prasejarah. Menurut Van-Heekeren, zaman Logam di Indonesia adalah seiring berdasarkan kepada beberapa penemuan artifak gangsa yang berada pada lapisan yang sama dengan artifak besi. Beliau juga menegaskan bahawa Kebudayaan Gangsa di Indonesia adalah berasal dari luar iaitu dari Dongson, Vietnam. Sungguhpun demikian, wujud polemik dalam kalangan sarjana mengenai bila bermulanya zaman Gangsa di kawasan Dongson. Namun demikian seorang sarjana Belanda yang bernama H. Geldern mengandaikan ia bermula sekitar abad ke-8 dan ke-7 SM (Haryono 2001). Kemunculan kebudayaan zaman Logam di Indonesia dipercayai pada tahun 500-300 SM dengan beberapa penemuan artifak seperti gendang gangsa, kapak gangsa, bejana gangsa dan patung gangsa yang menunjukkan ciri ketara pengaruh kebudayaan Dongson. Selepas itu, dalam fasa berikutnya artifak gangsa mulai diusahakan oleh masyarakat tempatan sehingga menghasilkan gendang Pejeng atau gendang Moko terutama di Bali dan Nusa Tenggara Timur (Bintarti 2001).

Berdasarkan klasifikasi gendang gangsa yang dibuat oleh Franz Heger, kebanyakan gendang gangsa yang ditemui di Indonesia adalah daripada jenis Heger I. Gendang gangsa jenis ini mempunyai pola hiasan dan lakaran motif yang serupa dengan gendang gangsa yang ditemui di utara Vietnam dan selatan China (Adnan Jusoh 2020). Umpamanya kesemua gendang gangsa yang ditemui di kawasan timur Bali mempunyai empat patung katak yang menjadi sebahagian daripada ciri-ciri gendang gangsa jenis Dongson. Namun tidak semua gendang gangsa yang ditemui di Indonesia adalah daripada jenis gendang Heger I seperti yang ditemui di Dongson Vietnam. Ini kerana menurut R. Soekmono tidak semua gendang Moko adalah berasal dari zaman Logam, sebaliknya ada antara gendang Moko tersebut adalah berasal dari zaman kerajaan Majapahit. Bahkan ada juga gendang Moko yang dibuat di zaman mutakhir, iaitu dalam abad ke-19 dengan memakai hiasan kerajaan Inggeris (Soekmono 1973).

Fenomena ini menunjukkan tradisi penggunaan gendang gangsa di Indonesia sentiasa berkembang kerana ia diwarisi dan diamalkan semenjak dari zaman Logam hingga kini. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa gendang gangsa daripada jenis Moko dan Pejeng tidak termasuk dalam klasifikasi yang dibuat oleh Franz Heger sama ada daripada Heger I atau sebagainya. Bahkan sebaliknya ia boleh dianggap sebagai produk ciptaan masyarakat tempatan hasil daripada pertembungan antara budaya luar dengan masyarakat tempatan. Dengan kata lain, kemunculan gendang Moko dan Pejeng di Indonesia adalah hasil daripada pertembungan budaya kesan daripada kegiatan ekonomi khususnya aktiviti perdagangan maritim. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh pendapat R.P. Soejono yang menyatakan bahawa,

*Moko or Pejeng kettledrums found in Bali and Java. Prehistoric Mokos were cast in Bali, while historic Mokos were manufactured in Java and from there exported to the lesser Sunda Islands.*


(R.P. Soejono 2002)

Sementara itu jika dilihat dalam konteks yang lain pula, cara atau kaedah untuk menghasilkan gendang gangsa terdapat sedikit perbezaan antara gendang gangsa yang dihasilkan di Dongson dan Pulau Jawa. Misalnya menurut Hafiful Hadi Sunliensyar, gendang gangsa Asia Tenggara terdiri daripada tembaga dan timah, tidak ada kandungan arsenik. Analisis makmal menunjukkan bahawa komposisi unsur logam dalam gendang gangsa jenis Heger I yang dihasilkan di Dongson (Vietnam) mengandungi tiga unsur pokok iaitu tembaga, timah dan timber. Sementara gendang Jawa kuno (merujuk kepada gendang Pejeng dan gendang Moko) sekitar abad ke- 8 hingga 10 M mengandungi tembaga, timah putih dan zink (Hafiful 2017). Hasil analisis tersebut secara tidak langsung menjelaskan bahawa penghasilan produk tempatan di Jawa juga menggunakan campuran beberapa jenis logam bagi menghasilkan sama ada gendang Moko atau Pejeng.

## **KLASIFIKASI GENDANG GANGSA DI INDONESIA**

Berdasarkan beberapa tulisan dan juga laporan penemuan gendang gangsa di Indonesia setakat ini secara umumnya ia boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis. Klasifikasi tersebut adalah terdiri

daripada gendang gangsa (berdasarkan klasifikasi oleh Franz Heger), gendang Moko dan gendang Pejeng, sebagaimana rajah di bawah;




Rajah 1. Jenis (*type*) gendang gangsa di Indonesia

### Gendang Gangsa

Gendang gangsa merupakan sejenis objek tinggalan kebudayaan masyarakat pada zaman Logam. Gendang gangsa diperbuat daripada beberapa komponen logam, telah dijumpai di beberapa lokasi di Asia Tenggara dan China dengan paparan motif hiasan dalam pelbagai bentuk dan variasi. Pada tahun 1902, Franz Heger iaitu seorang pengumpul koleksi etnografi (*Ethnographic Collection*) yang bertugas di *Natural History Museum*, Vienna, Austria mencadangkan klasifikasi yang standard bagi semua gendang gangsa yang ditemui di Asia Tenggara. Beliau telah mencadangkan gendang gangsa dibahagikan kepada empat (4) jenis klasifikasi iaitu gendang gangsa Heger I, Heger II, Heger III dan Heger IV (Bernet Kempers 1988). Klasifikasi yang diperkenalkan oleh beliau ini masih lagi digunakan oleh para penyelidik khususnya yang berkaitan dengan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China sehingga ke hari ini (Adnan Jusoh 2020).

Walau bagaimanapun, dalam konteks penemuan gendang gangsa di Indonesia, menurut Bintarti yang merupakan salah seorang ahli arkeologi tempatan menyatakan penemuan gendang gangsa yang popular di Indonesia adalah daripada jenis gendang Heger I dan gendang Heger IV (Bintarti 2008). Taburan gendang gangsa daripada jenis Heger I ditemui di Indonesia bermula dari Sumatra hingga ke Irian Jaya. Gendang gangsa daripada jenis Heger I mulai ditemui dalam tahun 1703 dan yang terbaharu ditemui pada tahun 2001. Manakala gendang gangsa daripada jenis Heger IV ditemui hanya dua buah sahaja iaitu Banten dan Weleri (Jawa) di mana saiznya adalah berukuran kira-kira 30 cm tinggi dan timpanumnya pula berukuran 50 cm (Bintarti 2001). Walau bagaimanapun secara keseluruhan berdasarkan laporan penemuan didapati kebanyakan gendang gangsa di Indonesia adalah dari jenis Heger I.


Secara umumnya, struktur fizikal timpanum gendang gangsa adalah terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu bahagian bahu (atas), bahagian pinggang (badan) dan bahagian kaki (tapak) gendang. Salah satu keunikan gendang gangsa ialah hampir kesemua bahagian objek ini dipaparkan dengan pelbagai jenis motif dan pola hiasan. Antara contoh pola hiasan yang dipaparkan ialah motif bintang atau matahari, motif binatang (motif burung, katak, gajah, siput) atau motif berbentuk geometri (motif bulatan bertitik, motif bulatan bertangen, motif tangga) dan sebagainya (Adnan 2014). Kesemua motif dan pola hiasan yang dipaparkan tersebut sering kali dikaitkan dengan aktiviti kehidupan dan sosiobudaya masyarakat pengamalinya.



Rajah 2. Rupa bentuk gendang gangsa  
 Sumber: Adnan Jusoh 2020

Setakat ini tidak ada data rasmi berapa jumlah sebenar gendang gangsa yang ditemui di seluruh Indonesia. Walaupun jumlahnya tidaklah sebanyak penemuan gendang gangsa seperti di China, Vietnam atau Myanmar, namun didapati penemuan gendang gangsa ditemui di beberapa lokasi di seluruh kepulauan Indonesia. Antara lokasi penemuan gendang gangsa ialah di Pulau Jawa, Sumatera, selatan Maluku, kepulauan Kai (Kei) di barat daya New Guinea, Sangeang dan Kalimantan barat. Sementara menurut Leong Sau Heng, gendang gangsa turut ditemui di beberapa lokasi di kepulauan Indonesia seperti di Salayar, Sangeang, Flores, Alor, Roti, di gugusan Pulau Banda termasuk Leti, Luang dan Pulau Kai (Kei). Gendang ini juga turut ditemui di Pulau Seram dan Pulau Gorom, Pulau Buru di selatan Moloku dan di Irian Barat (West New Guinea). Menurut Leong Sau Heng lagi, jumpaan terbaharu objek ini ialah sebanyak dua buah iaitu di Kalimantan Barat. Gendang gangsa dari Kalimantan Barat ini boleh dikaitkan dengan jumpaan di kawasan Sambas (Leong Sau Heng 1998). Misalnya, menurut Edward Mckinnon, sebanyak dua (2) buah gendang gangsa dijumpai di Kalimantan Barat, Indonesia. Lebih menarik lagi, kedua-dua objek ini ditemui bersama-sama dengan beberapa artifak lain, antaranya 164 manik daripada jenis carnelian, 19 manik daripada jenis agate, sejumlah manik kaca 216 berwarna hitam, 190 berwarna merah dan 7 berwarna biru. Selain mangkuk gangsa, turut ditemui 8 biji gelas, 4 gelang yang diperbuat daripada gangsa dan 5 gelang yang diperbuat daripada gangsa (Edward Mckinnon 1994). Selain itu, gendang gangsa juga dilaporkan pernah ditemui di kawasan Danau Kerinci, iaitu serpihan gendang gangsa dengan diameter sekitar 76 cm pada tahun 1936. Pada tahun 2015, dilaporkan adanya jumpaan gendang gangsa yang disimpan oleh kepimpinan adat di Kerinci sebagai barang pusaka (Purwanti 2016). Menurut Bintarti, timpanum gendang gangsa yang ditemui di Kerinci berada dalam keadaan rosak. Selain itu, berdasarkan pola hiasan yang terdapat pada timpanumnya diandaikan ia merupakan jenis Heger I dan berasal dari Vietnam (Bintarti 2008). Berikut adalah sebahagian daripada beberapa gambar yang menunjukkan gendang gangsa yang pernah ditemui di Indonesia.

Gendang gangsa Salayar



*Sumber:* Bernet Kempers  
1988

Gendang gangsa Sangeang




*Sumber:* Bernet Kempers  
1959

Gendang gangsa Sambas I




*Sumber:* Edwards Mckinnon  
1994

Gendang gangsa Semarang




*Sumber:* H.R. van Heekeren  
1985

Gendang gangsa Mersi



*Sumber:* Bernet Kempers  
1988

Gendang gangsa Sambas II



*Sumber:* Edwards Mckinnon  
1994

Rajah 3. Beberapa penemuan gendang gangsa di Indonesia

Secara umumnya, fungsi gendang gangsa di Asia Tenggara dan China adalah hampir sama kerana tradisi penggunaannya tidak jauh berbeza walaupun berada di lokasi yang berlainan. Antaranya ialah ia berfungsi sebagai gendang perang, objek ritual, simbol status, barang hantaran dan objek dagangan (Adnan Jusoh 2014). Hal ini kerana gendang gangsa digunakan secara meluas oleh pelbagai etnik yang bertaburan di seluruh Asia Tenggara dan China. Umpamanya, tradisi penggunaan gendang gangsa di dalam kehidupan seharian beberapa kumpulan etnik di China, Vietnam dan Myanmar sehingga kini (Adnan Jusoh 2021). Di Laos gendang gangsa masih diamalkan terutama dalam kalangan mereka yang mendiami kawasan utara Laos, antaranya ialah etnik Khmou, Thai, Lamet, Miao dan Yao (Li Fuqiang 2014). Sementara itu, menurut Bernet Kempers, gendang gangsa masih digunakan oleh beberapa kumpulan etnik yang tinggal di kawasan pedalaman di Thailand seperti etnik Lawa, Lahu, Lisu, Karen (sebahagian etnik Karen terdapat di bahagian barat Thailand dan sebahagian lagi etnik Karen adalah terdapat di Myanmar), etnik Meo dan Muong (suku etnik Thai hitam dan Thai putih) (Bernet Kempers 1988). Jelas sekali fungsi gendang gangsa yang pelbagai guna menyebabkan tradisi penggunaannya dapat terus bertahan sehingga kini terutama dalam beberapa kumpulan etnik di Tanah Besar Asia dan China.

## Gendang Moko

Gendang Moko atau kadang kala disebut sebagai 'Nekara Perunggu Kecil' terutama oleh sesetengah masyarakat tempatan di Indonesia. Hal ini adalah berkemungkinan disebabkan kebanyakan ukuran saiz gendang Moko adalah lebih kecil (rendah) jika dibandingkan dengan gendang Pejeng. Moko merupakan sejenis gendang gangsa yang banyak tersebar di beberapa kawasan khususnya di Alor, Pantar, Solo hingga Flores. Berkaitan hal ini Bintarti juga menjelaskan bahawa daerah sebaran Moko di Indonesia adalah di Alor, Solor, Flores dan Pantar (Bintarti 2001). Sementara itu, menurut D.K. Gede, gendang gangsa yang paling popular di Indonesia dikenali sebagai *gendang Moko*. Kebanyakan penyelidik berpandangan bahawa objek ini adalah hasil kebudayaan oleh masyarakat prasejarah di Indonesia. Moko adalah sejenis gendang gangsa yang banyak ditemui di kawasan Alor (D.K.Gede 1995).

Selain keunikan rupa bentuknya yang tersendiri, gendang Moko ditemui dalam jumlah yang sangat banyak di Pulau Alor sehingga ia juga sering dikenali dengan gelaran 'Pulau Seribu Moko'. Justeru itu, pada tahun 2003 sebuah muzium telah dibina untuk mempamerkan gendang Moko kepada orang awam dan ia dikenali sebagai 'Muzium Seribu Moko'. Muzium ini terletak di Jalan Diponegoro, Kota Kalabahi, Pulau Alor, Nusa Tenggara Timur, Indonesia dan telah dirasmikan pada 4 Mei 2004 oleh Gabenor Nusa Tenggara Timur. Muzium ini dianggap menjadi simbol atau ikon dalam menonjolkan keunikan warisan leluhur masyarakat Alor khususnya kepada para pelancong tempatan dan juga luar negara (KOMPAS.com 2016). Rata-rata dalam kalangan masyarakat tempatan menganggap gendang Moko sebagai barang pusaka yang bernilai tinggi. Malahan ia juga sering digunakan sebagai mahar perkahwinan khususnya dalam adat masyarakat setempat di Alor.

Jika ditinjau dari aspek pengamalan didapati dalam sosiobudaya masyarakat di beberapa lokasi di Indonesia, hingga pada permulaan abad ke-20 Masihi didapati Moko masih lagi dihasilkan di Grisek. Dari Grisek ia kemudiannya dibawa oleh pedagang Bugis ke daerahnya untuk disebarkan pula ke daerah lain seperti Flores dan Kepulauan Solo (Soejono 1977). Justeru itu, kadang-kadang gendang Moko dikenali dengan sebutan atau nama yang berbeza mengikut masyarakat setempat. Menurut D.K. Gede, istilah 'Moko' berasal daripada nama sebuah daerah di Alor, sedangkan di Flores Timur objek yang sama disebut 'Wulu' (Gede 1995). Sementara itu menurut R.P. Soejono pula, masyarakat di Alor menyebut objek ini sebagai 'Moko' atau 'mako', sedangkan bagi penduduk di Pulau Pantar pula menyebut objek ini sebagai 'kendang perunggu'. Sementara itu di daerah Manggarai (Flores) orang menyebut Moko dengan nama 'gendang gelang' atau 'tambur'. Di Pulau Jawa, Moko disebut 'tamra' atau 'tambra', di Pulau Roti disebut 'Moko Malai' yang ertinya 'palu besar dari Malai (Malaya)' dan di Maluku pula dipergunakan nama 'tifa guntur' (Soejono 1977).

Secara umumnya lokasi penyebaran gendang Moko di Indonesia adalah di beberapa buah kawasan pulau seperti Pulau Alor, Pantar dan Salayar. Malahan dalam konteks demografi dan linguistik, masyarakat Alor yang mempunyai rumpun bahasa daerah yang berbeza menyebabkan objek ini juga disebut dengan nama berlainan. Umpamanya, orang Adang menyebut *H''bay*, orang Wersing Kolana menyebutnya *Sasau*, orang Tanglupui menyebut *Saso*, orang Abui menyebut *Tafa*, orang Kamang menyebut *Waima*, orang Kailesa menyebut *Ime*, orang Klun atau Klong menyebut *Habal*, orang Kabola menyebut *Paar* atau *Habai*, orang Kiraman menyebut *Bana*, orang Alurung menyebut *Fulu*, orang Helangdhohi menyebut *Wulu* dan orang Pantar menyebutnya juga sebagai *Khuang* (Argo Twikromo & Tanspiosa Riomandha 2014). Pendek kata, Moko merupakan objek terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan sehingga ia menjadi kebanggaan oleh segenap suku etnik dan lapisan masyarakat di Indonesia. Berdasarkan rajah berikut menunjukkan gambar gendang Moko yang terdiri daripada pelbagai variasi atau jenis saiz dan pola hiasannya.





Rajah 4. Variasi gendang Moko di Indonesia  
*Sumber:* Argo Twikromo & Tanspiosa Riomandha 2014

Secara umumnya struktur fizikal atau rupa bentuk gendang Moko amat berbeza dengan gendang gangsa yang sering ditemui di Asia Tenggara. Namun lazimnya ukuran atau saiz Moko jika dilihat dari segi ketinggian adalah dalam lingkungan 80-120 cm. Manakala ukuran bahagian tengahnya (bahagian pinggang) ia agak mengecil iaitu dalam lingkungan 40-70 cm. Gendang Moko terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian atas, bahagian pinggang dan bahagian bawah. Bahagian atas terdiri daripada bahagian timpanum atau bidang pukul yang menutup lubang bahagian atas. Timpanum biasanya digunakan sebagai bahagian untuk dipukul bagi menghasilkan bunyi. Timpanum ini kemudian bersambung dengan bahagian bahu yang biasanya dipasangkan dengan tangkai atau pemegang untuk membolehkan Moko dibawa atau diangkat ke mana-mana. Tangkai ini kadang kala dikenali juga dengan istilah tangan atau telinga Moko. Bahagian pinggang atau tengah merupakan bahagian yang menyambungkan bahagian atas dan bahagian bawah gendang Moko. Sungguhpun demikian diameternya lebih kecil berbanding bahagian atas dan juga lebih kecil daripada diameter bahagian bawah. Bahagian bawah atau kaki adalah bahagian terletaknya lubang pada dasar gendang Moko. Apabila timpanum yang terletak di bahagian atas dipukul ia akan menghasilkan bunyi yang nyaring dan keluar melalui bahagian bawah gendang (Argo Twikromo & Tanspiosa Riomandha 2014). Justeru itu, berdasarkan penerangan di atas dapatlah diketahui bahawa rupa bentuk gendang Moko adalah seperti yang dipaparkan di dalam rajah berikut.



Rajah 5. Gendang Moko  
*Sumber:* Muzium Negeri Nusa Tenggara Barat 2018

Sementara itu, menurut Bintarti, berdasarkan motif dan pola hiasnya, gendang Moko dibahagikan kepada empat jenis iaitu pola prasejarah, pola hias Indonesia-Hindu (Candi), pola hias Belanda-Inggeris (Barat) dan pola hias baharu. Pola prasejarah dikaitkan dengan motif hiasan gendang gangsa yang biasa ditemui di Asia Tenggara iaitu pola wajah manusia atau topeng. Menurut Bintarti lagi gendang Moko dengan pola hias polos juga sering digolongkan pada Moko prasejarah. Begitu juga gendang Moko *Pung* dari Pantar juga adalah Moko jenis ini. Pola Hias Indonesia-Hindu pula biasanya memaparkan pola hiasan berbentuk kepala arca Kala yang disamarkan dengan bunga-bunga terutama pada bahagian bahu gendang Moko (Bintarti 2008). Umumnya, pola hiasannya adalah terpengaruh pada motif hiasan yang sering dipaparkan pada relief-relief yang ada pada candi di sekitar Pulau Jawa. Sementara pola hias Belanda-Inggeris (Barat) adalah pola hiasan berupa lambang kerajaan Belanda. Ini dapat diperhatikan dengan adanya motif dua ekor singa, bendera dan buah anggur. Malahan ada juga motif manusia yang raut wajahnya dengan berhidung mancung atau berjanggut. Manakala pola hias baharu adalah pola hiasan yang memaparkan motif seperti naga, babi, kerbau, buaya, ayam, singa, kuda dan penunggang kuda adalah beberapa contoh pola hias yang termasuk dalam kelompok pola hias baharu ini (Argo Twikromo & Tanspiosa Riemandha 2014). Pada kebiasaannya, kebanyakan pola hias gendang Moko adalah dilakarkan dan dipaparkan pada hampir seluruh bahagian gendang Moko tersebut. Objek ini masih dihasilkan oleh suku tertentu di kawasan pergunungan Alor dan ia masih diperdagangkan kerana masih mendapat permintaan terutamanya dalam kalangan masyarakat di Alor.

Dalam masyarakat Alor, gendang Moko dianggap warisan leluhur yang masih terus dipertahankan sehingga kini. Kelestarian Moko dalam masyarakat Alor juga adalah berkait rapat dengan fungsinya. Antara fungsi kentalnya yang menyebabkan sehingga kini masih diamalkan kerana ia dijadikan objek hantaran khususnya untuk pasangan yang hendak mendirikan rumah tangga sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat di Alor, Indonesia (Gede 1995). Misalnya, untuk meminang seorang gadis di Pulau Alor, keluarga lelaki dikehendaki menyediakan antara 2 hingga 10 buah gendang Moko. Walau bagaimanapun jumlah sebenar gendang Moko yang perlu disediakan adalah turut bergantung kepada status sosial orang tua si gadis. Jika keluarga si gadis daripada kalangan masyarakat biasa si pemuda cuma memerlukan 2 hingga 4 buah gendang Moko sahaja untuk dijadikan mas kahwin. Namun jika si gadis yang hendak dipinang itu berasal daripada keluarga yang mempunyai status yang tinggi dengan sendirinya jumlah gendang Moko juga akan bertambah atau meningkat bilangannya. Jika mempelai laki-laki berasal dari luar Pulau Alor ia hanya perlu menyediakan sebuah Moko sahaja dan dilengkapi dengan binatang ternakan serta sarung adat dalam masyarakat Alor. Walau bagaimanapun sejak kebelakangan ini, dalam kalangan suku tertentu di Alor mas kahwin gendang Moko telah diganti dengan sejumlah wang sesuai dengan kesepakatan kedua belah pihak berserta ditambah dengan sebuah gendang Moko sahaja (KOMPAS.com 2016).

Selain objek hantaran, gendang Moko juga berfungsi sebagai status sosial. Seseorang individu yang memiliki gendang Moko dianggap mempunyai kedudukan tertentu dalam hierarki masyarakat di Alor. Malahan segala pendapat dan buah fikirannya akan dipandang khususnya dalam mesyuarat adat atau mesyuarat lain yang memerlukan keputusan di peringkat suku. Misalnya di Alor, Indonesia, apabila seseorang individu yang memiliki *moko melai tanah* atau *itkira*, maka secara tidak langsung dapat diketahui sama ada ia berasal daripada strata yang disegani atau tidak (Gede 1995). Justeru itu, dalam konteks simbol status kepada pemiliknya, lazimnya Moko dianggap harta pusaka yang dimiliki oleh ketua suku yang kemudiannya diperturunkan pula kepada anak lelakinya (R.P. Soejono 1977). Selain itu, sebagai objek warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi berikutnya, gendang Moko juga sering dijadikan alat ritual antaranya ialah untuk digunakan bagi memanggil hujan, ritual pengebumian dan sebagainya. Ada kalanya gendang Moko juga diperdagangkan sesuai dengan keperluan masyarakat untuk digunakan bagi maksud tertentu sama ada sebagai objek hantaran, alat muzik, ritual atau pengebumian. Secara tidak langsung juga gendang Moko menjadi ikon atau identiti yang menonjolkan masyarakat Alor di mata masyarakat umum sehingga ia juga berfungsi untuk menjadi tarikan pelancongan.


## Gendang Pejeng

Selain gendang Moko, sejenis lagi gendang gangsa di Indonesia yang juga tidak kurang popular ialah gendang Pejeng. Walau bagaimanapun dari segi lokasi dan taburan penemuan didapati gendang Pejeng lebih banyak ditemui di Pulau Bali. Pejeng adalah bersempena dengan nama sebuah lokasi iaitu 'Pejeng' yang terletak di Pulau Bali, Indonesia. Di lokasi ini telah ditemui sebuah objek gangsa atau dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai 'Nekara Pejeng' yang menjadi simbol suatu karya terpenting pada zaman prasejarah. Selain keunikan bentuk dan hiasannya, Nekara Pejeng ini berusia melebihi 2,000 tahun juga merupakan nekara terbesar di Asia Tenggara bahkan di dunia dengan ukuran 186.5 cm dengan diameter berukuran 160 cm. Objek ini disimpan di suatu tempat yang dianggap suci oleh masyarakat Hindu Bali iaitu di Pura Penataran Sasih, Kabupaten Gianyar, Bali, malah objek ini mendapat kedudukan istimewa sehingga ia disakralkan dan dipuja oleh masyarakat setempat (Anak Agung Gd Raka 2016). Selain ditemui di Pejeng, objek seperti ini juga ditemui di beberapa lokasi lain di Pulau Bali dengan rupa bentuk dan pola hiasan yang hampir sama (*stereotype*) sehingga ia dikenali dengan 'Pejeng, 'Nekara Pejeng' atau 'gendang Pejeng'.



Rajah 6. Nekara 'Bulan Pejeng'  
 Sumber: Anak Agung Gd Raka 2016


Menurut Bernet Kempers, gendang Pejeng merupakan produk kebudayaan tempatan yang berasal dari Bali pada masa zaman Logam (Bernet Kempers 1988). Walau bagaimanapun kemudiannya ia mengalami perubahan dari segi rupa bentuk sesuai dengan ciri-ciri tempatan sebagaimana yang dapat disaksikan kini. Justeru itu, status gendang Pejeng ini boleh dianggap sangat istimewa lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat tempatan di Bali. Malahan kehadiran gendang Pejeng seolah-olah menjadi salah satu objek yang mempunyai identiti khusus bagi masyarakat di Bali. Ilustrasi dalam rajah berikut menunjukkan beberapa jenis rupa bentuk yang menjadi ciri atau identiti bagi sesebuah gendang Pejeng. Berdasarkan ilustrasi dalam rajah tersebut jelas menunjukkan gendang Pejeng dikelompokkan kepada enam (6) kategori. Secara keseluruhan, kesemua jenis objek tersebut didapati mempunyai ciri tersendiri kecuali jenis no. 6 yang tidak mempunyai tangkai pemegang. Namun demikian pola hiasan gendang Pejeng lazimnya mempunyai perbezaan tidak terlalu jauh kerana motifnya dalam bentuk garisan dan abstrak. Tidak dinafikan pola hiasan sesebuah gendang Pejeng juga sebenarnya bergantung kepada tukang yang menghasilkannya ataupun atas permintaan oleh seseorang individu ataupun pembeli yang menempahnya.



Rajah 7. Jenis (*type*) gendang Pejeng  
*Sumber.* Sejarah Nasional Indonesia Jilid 2

Sementara itu jika ditinjau dari segi fungsi ia adalah lebih kurang sama dengan gendang Moko atau lain-lain gendang gangsa yang ditemui di Asia Tenggara dan China. Cuma ia agak berbeza jika dilihat dari segi rupa bentuk dan pola hiasannya sahaja yang menyebabkan ia mempunyai identiti yang tersendiri. Justeru itu, menurut R.P. Soejono, gendang Pejeng tidak termasuk dalam klasifikasi gendang Heger I (Soejono 1977). Dari segi rupa bentuk, gendang Pejeng ternyata amat berbeza dengan gendang gangsa yang sering ditemui di kawasan Asia Tenggara dan China. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan gendang Moko didapati saiz atau ukurannya didapati lebih besar atau tinggi. Walaupun ia tidak sama seratus peratus namun secara realitinya terdapat beberapa aspek tertentu ia mempunyai kemiripan. Antaranya ialah tangkai atau pemegang yang dipasangkan (dilekatkan) pada bahagian bahu atau pinggang gendang. Selain itu, terdapat juga beberapa jenis pola hiasan yang dipaparkan pada gendang Pejeng didapati ada elemen persamaan. Rajah berikut menunjukkan ilustrasi rupa bentuk dan pola hiasan gendang Pejeng yang sering ditemui di Pulau Bali.





Rajah 8. Rupa bentuk gendang Pejeng  
*Sumber: Bernet Kempers 1959*

Dalam masyarakat Hindu Bali, terdapat sebuah gendang Pejeng telah disakralkan dan dikenali sebagai 'Bulan Pejeng'. Objek ini disimpan di 'Pura Penataran Sasih', yang terletak di Desa Pejeng, Tampak Siring, Gianyar, iaitu sebuah pura yang amat dihormati oleh masyarakat Hindu di Bali. Selain itu, Pura Penataran Sasih sebagai 'Pura Penataran Kerajaan' dan 'Pura Pucak Penulisan' sebagai pura gunungnya. Pura Penataran Sasih tidak berdiri sendiri, tetapi ada beberapa pura lainnya yang masih menjadi satu kesatuan. Antaranya ialah 'Pura Taman Sari', 'Pura Ratu Pasek', 'Pura Bale Agung' yang ketiganya berada di bahagian sebelah utara; 'Pura Ibu' berposisi di bahagian sebelah selatan dan 'Pura Taman' berposisi di sebelah timur atau di bahagian belakang pura (Bernet Kempers 1959). Menurut R.P.Soejono, gendang Pejeng masih disimpan di Pura Penataransasih di Pejeng (Gianyar, Bali) dan objek ini dipandang sebagai 'roda bulan yang jatuh ke bumi pada waktu terang bulan' (Soejono 1977).

Dari segi status keberadaannya, Pura Penataran Sasih merupakan sebuah pura tertua yang pernah menjadi pusat pemerintahan kerajaan Bali kuno. Kewujudan pura ini dipercayai lebih awal daripada kemunculan kebudayaan Dongson dari utara Vietnam yang dianggarkan muncul kira-kira 300 SM. Sedangkan masuknya agama Hindu ke Pulau Bali dipercayai hanya bermula sekitar abad ke-8 Masihi. Menurut Bernet Kempers, **Pura Penataran Sasih** ini berfungsi menjadi Pura Penataran sebagai pusat kerajaan di Bali yang berpusat di Pejeng. Sedangkan sebagai pusat pura gunungnya adalah Pura Puncak Penulisan yang terletak di Kintamani (Bernet Kempers 1959). Setelah adanya pengaruh Hindu di Bali baharulah Pura Penataran Sasih ini diperluaskan fungsinya sesuai dengan penerimaan oleh masyarakat Bali pada ketika itu. Mengikut kepercayaan masyarakat tempatan di Bali, Bulan Pejeng tersebut tidak dibuat oleh manusia malah sebaliknya ia dianggap jatuh dari langit. Justeru itu, objek ini diletakkan di sebuah pelinggih yang disebut 'Ratu Sasih' di pura tersebut. Bulan Pejeng ini sering dipuja dan ia boleh dijadikan sarana bagi upacara seperti ritual untuk memohon hujan, menyuburkan tanaman, perubatan dan beberapa ritual lain lagi. Kewujudan Bulan Pejeng atau gendang Pejeng di Pura Penataran Sasih sering dikaitkan dengan pelbagai cerita lisan yang kadang kala berbaur dengan unsur mitos dalam kalangan masyarakat tempatan. Malahan gendang Pejeng di pura ini dianggap mempunyai unsur magis yang tinggi sehingga ia juga dikaitkan dengan semangat leluhur yang akan menjaga kehidupan masyarakat tempatan.

Pendek kata, kehebatan Bulan Pejeng kemudiannya meniti dari mulut ke mulut sehingga mendorong adanya cetakan baharu yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan. Lama-kelamaan gendang Pejeng semakin popular menyebabkan permintaannya semakin tinggi dan menguntungkan kepada golongan pengusaha atau pedagang. Realitinya jumlah gendang Pejeng semakin banyak disebabkan adanya permintaan oleh masyarakat setempat malah kadang kala ada juga permintaan daripada masyarakat yang berada di luar Pulau Bali. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan gendang Pejeng tersebar di seluruh Pulau Bali dan juga turut melewati beberapa buah pulau lain di sekitarnya. Justeru itu, berdasarkan rupa bentuk dan pola hiasan yang dipaparkan dapat dirumuskan ia lebih merupakan produk yang telah dihasilkan oleh masyarakat tempatan dan bukannya diimport dari luar. Hal ini demikian adalah disebabkan gendang Pejeng didapati amat berbeza jika dibandingkan dengan rupa bentuk kebanyakan gendang gangsa yang ditemui di Asia Tenggara dan China.

## KESIMPULAN

Gendang gangsa merupakan salah satu daripada pelbagai jenis tinggalan budaya kebendaan dalam sosiobudaya masyarakat di Indonesia. Objek tersebut ditemui di beberapa lokasi di seluruh Indonesia sama ada hasil daripada kerja-kerja penyelidikan ataupun ditemui secara tidak sengaja. Malahan kebanyakan penemuan gendang gangsa di Indonesia juga adalah dalam keadaan tidak lengkap dan sesetengahnya berupa serpihan yang tidak begitu sempurna. Sungguhpun demikian kehadiran gendang gangsa di Indonesia dianggap penting dalam menjelaskan hubungan kait antara masyarakat tempatan dengan dunia luar. Perkembangannya dipercayai bermula terutama selepas kemunculan zaman Logam di Asia Tenggara lebih-lebih lagi selepas berkembangnya kebudayaan Dongson yang berasal dari utara Vietnam. Selain keunikan rupa bentuknya, kehadiran gendang gangsa di Asia Tenggara adalah disebabkan oleh fungsinya yang pelbagai guna sehingga menyerap dalam sosiobudaya masyarakat di rantau ini.

Secara keseluruhannya, terdapat tiga (3) jenis gendang gangsa yang ditemui di seluruh Indonesia. Pertama ialah gendang gangsa yang biasa ditemui di kebanyakan lokasi di seluruh Asia Tenggara dan China. Kedua, gendang Moko iaitu sejenis objek yang kebanyakannya ditemui di kawasan Alor dan beberapa pulau berhampiran. Ketiga ialah gendang Pejeng iaitu sejenis objek yang majoritinya adalah ditemui di kawasan Pulau Bali. Walau bagaimanapun bagi gendang Moko dan gendang Pejeng ia dilihat sebagai produk yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan di Indonesia. Kedua-dua jenis objek ini bukannya barang yang diimport dari luar dan tidak termasuk dalam kategori gendang gangsa yang diperkenalkan oleh Franz Heger dalam tahun 1902. Namun kemunculan kedua-dua jenis objek ini dipercayai mempunyai kaitan dengan perkembangan pengaruh kebudayaan Dongson yang berasal dari utara Vietnam.

## RUJUKAN

- Adnan Jusoh. 2021. Sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di Laos. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 34(1):1-14.
- Adnan Jusoh. 2020. Gendang gangsa di Asia Tenggara dan China berdasarkan klasifikasi Franz Heger. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 33(2):91-104.
- Adnan Jusoh. 2014. *Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal usul dan signifikannya*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Anak Agung Gd Raka. 2016. Kontribusi nekara 'Bulan Pejeng' dalam pengembangan pariwisata international. Dlm. I Ketut Ardhana, Yekti Maunati, Micheal Kuhn, Nestor T. Castro, Diane Butler & Slamet Trisila (Eds.). *Proceedings International Conference*. Hlm. 283-294. Bali: Faculty of Cultural Sciences and Humanities-Udayana University.
- Argo Twikromo & Tanspiosa Riomandha. 2014. *Moko Alor: Aktualisasi dari masa ke masa*. Jakarta: Museum Nasional Jakarta. Kota Kupang & Kabupaten Alor.
- Bintarti, D.D. 2008. Nekara perunggu dari Yunna sampai Irian Jaya. Dalam Kasniwiharjo, Gunadi dan Atmosudiro, Sumijatu (Eds). 2008. *Prasejarah Indonesia dalam lintasan Asia-Tenggara-Pasifik*. Hlm.143-148. Yogyakarta: Asosiasi Prehistorisi Indonesia.

- Callenfels, P.V. van Stein. 1961. *Pedoman Singkat Koleksi Prasadjarab Museum Pusat Lembaga Kebudayaan Indonesia*. Jakarta: Proyek Rehabilitasi & Perluasan Museum.
- Bintarti, D.D. 2001. Nekara tipe Pejeng: Kajian banding terhadap nekara tipe Heger I. Disertasi, Universitas Gadjah Mada.
- Edwards, M.E. 1994. The Sambas Hoard: Bronze drums, and gold ornaments found in Kalimantan in 1991. *JMBRAS*.
- Gede, D.K. 1995. Fungsi Moko dalam kehidupan masyarakat Alor. *Forum Arkeologi* II: 72-83.
- Hafiful Hadi Sunliensyar. 2017. Prospek penelitian artefak perunggu temuan Kerinci melalui analisis metalurgi. *Siddhayatra* 22(2): 89-106.
- Haryono, Timbul. 2001. *Logam dan Peradaban Manusia*. Yogyakarta: Phylosophy Press.
- Hendri A.F. Kaharudin. 2019. Kelahiran arkeologi Indonesia di Ilmu Sosial dan perkembangan ke Ilmu Alam. *HISTORLA: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah* 3(1): 21-32.
- Heekeren, H.R. van. 1985. *Nekara-nekara Perunggu*. AMERTA. 2. Jakarta: Masyarakat Seni Pertunjukkan Indonesia.
- Kempers, B.1988. *Kettledrums of Southeast Asia*. Rotterdam: A.A Balkema Publisher.
- Kempers, B. 1959. *Ancient Indonesia art*. Amsterdam: C.P.J. Van Der Peet.
- KOMPAS.com.*, 22 Januari 2021.
- KOMPAS.com.*, 21 November 2016.
- Leong Sau Heng. 1998. Some observations on a newly found Dongson type bronze kettledrum from Selangor. *Jurnal Seri Alam* 4: 1-18.
- Li Fuqiang. 2014. *Bronze drum of China-Southeast Asia (Laos Vollume)*. China: Centre for ethnic studies, Guangxi University for Nationalities and Guangxi People's Publishing House Co. Limited.
- Purwanti, Retno. 2016. Nekara perunggu di Kerinci. Dlm. Nurhadi Rangkuti (Ed.). *Kerinciku Kerincimu: Dataran Tinggi Jambi dalam perspektif arkeologi*. Indonesia: Balai Arkeologi Sumatera Selatan. Penerbit Ombak.
- Soejono, R.P. 1977. *Jaman Pra-sejarah Di Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Soejono, R.P. 2002. The role of Prehistoric bronze drums in Indonesia. Kertas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.
- Soekmono, R. 1973. *Pengantar Sejarah Kebudayaan 1*. Yogyakarta: Penerbit Kanisuis.

Adnan Jusoh (Ph.D)  
Prof. Madya  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjung Malim  
Perak  
E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Diserahkan: 7 Januari 2022  
Diterima: 3 Mac 2022  
Diterbitkan: 30 April 2022